

3 firma bina hospital RM368j

» KPJ, PHB, Nadayu meterai MoU bangun projek di Sungai Penchala

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

KPJ Healthcare Bhd, Permodalan Hartanah Bhd (PHB) dan Nadayu Properties Sdn Bhd memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi membina Hospital Pakar Damansara KPJ II yang dianggarkan bernilai kira-kira RM368 juta.

Projek yang akan dimajukan oleh Nadayu di tapak seluas 1.13 hektar di Sungai Penchala, itu kemudian dijual kepada PHB sebagai pemilik aset, manakala KPJ akan bertindak sebagai pengendali hospital.

Pembangunan projek itu yang dijangka siap pada tahun 2018, dijadualkan bermula tahun depan.

Presiden dan Pengarah Urusan KPJ, Datuk Amiruddin Abdul Satar, berkata hospital dengan 300 katil itu akan dilengkapi kemudahan canggih terbaharu dan ia akan dipajak oleh PHB kepada KPJ untuk tempoh 15 tahun dengan opsi tambahan 15 tahun lagi selepas siap pada tahun 2018.

Katanya, pembangunan hos-



Wahid (dua dari kiri) melihat dokumen perjanjian sambil disaksikan Kamalul Arifin, Amiruddin (kanan) dan Hamidon (kiri) pada majlis memeterai MoU antara KPJ, PHB dan Nadayu di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO ASMAN IBRAHIM/BH]

pital baharu oleh Nadayu itu akan membolehkan KPJ menumpukan kegiatan utama untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tanpa menjejaskan kedudukan kewangannya.

“Kerjasama dengan PHB, sebuah syarikat pegangan pelaburan terkemuka dan stabil dalam bidang pelaburan serta pembangunan hartanah adalah langkah tepat menuju ke depan.

“Kami juga berpandangan kerjasama ini akan memberi manfaat kepada KPJ kerana PHB adalah pemilik hartanah terkenal dan boleh dipercayai,” katanya pada majlis memeterai MoU antara ketiga-ti-

ga syarikat di Kuala Lumpur, semalam.

Amiruddin memeterai perjanjian itu bagi pihak KPJ, manakala PHB diwakili Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Kamalul Arifin Othman dan Nadayu diwakili Pengerusi Eksekutif, Hamidon Abdullah.

Perjanjian disaksikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Hadir sama, Pengerusi PHB, Tan Sri Md Nor Yusof; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation merangkap Pengerusi KPJ, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim dan Sekutu Nadayu, Datuk Tunku Putra Badlishah Tunku Anuar.

Perkukuh pelancongan perubatan

Amiruddin berkata, hospital baharu itu akan mengukuhkan lagi kedudukan negara sebagai peserta pelancongan perubatan yang serius di rantau ini.

KPJ ketika ini ialah rangkaian penjagaan kesihatan swasta terbesar di Malaysia dengan 25 hospital pakar di seluruh negara.

Sementara itu, Kamalul Arifin berkata projek itu mencerminkan pelan PHB untuk mengukuhkan portfolio asetya dalam industri penjagaan hospital sebagai salah satu sektor pertumbuhan dalam pasaran hartanah komersial.